

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHA KEE CHIN [ RASAH ]**

**TARIKH : 27 JULAI 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status terkini kajian yang telah dilakukan oleh Jawatankuasa Khas Pengumpulan Maklum Balas Pengiktirafan UEC. Sama ada pihak Kementerian Pendidikan atau Jemaah Menteri telah mempertimbangkan hasil kajian tersebut dan bilakah pengiktirafan UEC akan diumumkan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menubuhkan Pasukan Petugas Dasar *Unified Examination Certificate* (PPDUEC) pada 29 Ogos 2018 untuk mengkaji isu pengiktirafan sijil UEC sebagai syarat am kelayakan untuk memasuki institusi pengajian tinggi awam (IPTA). Pelantikan tiga orang ahli PPDUEC telah dibuat oleh YB Menteri Pendidikan pada ketika itu dan mula menjalankan tugas mulai 29 November 2018.

Berdasarkan Terma Rujukan, PPDUEC diberi tempoh tiga hingga enam bulan untuk mengemukakan laporan kajian kepada KPM. Walaupun tempoh kajian telah dilanjutkan sehingga 16 bulan, dengan enam kali pelanjutan tempoh kajian, iaitu sehingga Februari 2020, PPDUEC masih gagal menyerahkan laporan kajian berkenaan. Memandangkan tempoh kajian tidak dilanjutkan dan telah tamat pada 29

**NO. SOALAN : 60**

Februari 2020, maka keanggotaan PPDUETC juga tamat secara automatik pada tarikh yang sama, iaitu 29 Februari 2020.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, sehingga kini KPM tidak pernah menerima sebarang laporan awal, draf laporan atau laporan lengkap daripada PPDUETC, sepetimana yang ditetapkan semasa pelantikan dibuat. Oleh demikian, tiada sebarang hasil kajian dapat diperhalusi dan diteliti oleh KPM.

Sekian, terima kasih.